

26 NOV 1999

Mahathir-Menang

BARISAN AKAN DAPAT MAJORITI LEBIH DUA PERTIGA, KATA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 26 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan memperolehi majoriti lebih daripada dua pertiga untuk menubuhkan kerajaan selepas pilihan raya kali ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita akan dapat lebih dua pertiga sebab kali ini kita mendapati pengundi yang dulu non-committed, silent majority, sekarang ni mengambil berat."

Kumpulan pengundi ini telah membuat kenyataan terbuka menyokong BN, kata beliau pada persidangan media selepas merasmikan majlis pecah tanah pembesaran lapangan terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu di sini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

"Mereka betul-betul khuatir dengan cadangan PAS untuk mewujudkan negara Islam dan mengamalkan hukum hudud dengan DAP pulak nak menghapuskan hak istimewa orang Melayu," kata beliau menjawab soalan pemberita mengenai kedudukan BN buat masa ini.

Dr Mahathir yang berpakaian baju Melayu biru muda berkata dengan itu ramai orang Melayu dan orang bukan Melayu sekarang ini khuatir dengan gelagat parti lawan dalam kempen pilihan raya ini.

Katanya ini telah menyebabkan mereka membuat ikrar dan keluar beramai-ramai untuk menyokong BN.

Dr Mahathir baru-baru ini menggesa pekerja jentera parti mengajak pengundi daripada majoriti senyap untuk keluar beramai-ramai mengundi pada Nov 29 ini bagi menentukan kemenangan besar untuk BN.

Beliau berkata PAS sanggup menipu terang-terang kononnya hendak melaksanakan hukum hudud sedangkan mereka tak boleh melakukannya.

Mereka telah berjanji dengan DAP mereka tidak akan laksanakan hukum hudud dan negara Islam tetapi menjanjikan ia akan dilaksanakan kepada orang Melayu

"Jadi lidah bercabanglah, cakap satu benda kepada orang lain cakap lain kepada orang lain," kata beliau.

Lagipun, Dr Mahathir berkata memang mereka tahu mereka tidak dapat laksanakan hukum hudud kerana mereka perlu dua pertiga wakil dalam Parlimen.

Macam mana PAS hendak mendapat dua pertiga dalam Parlimen sedangkan rakan-rakan parti pembangkang mereka tidak menyokong, katanya.

Nampaknya, katanya, PAS sudah lari jauh sangat daripada agama Islam dan mereka juga telah menyebabkan ramai daripada orang Islam berpecah belah dan bermusuhan secara berkekalan.

Dr Mahathir berkata ini sehingga orang PAS dan orang Umno tak dibenarkan berkahwin, sekolah dan tadika disalahgunakan, penuntut universiti diganggu sampai tak dapat menumpukan kepada pelajaran.

Bagi PAS yang penting hanyalah undi bagi parti mereka sehingga sanggup menyebarkan fitnah, katanya.

Mengenai kegiatan PAS yang melanggar peraturan, beliau berkata kerajaan telah memberikan kelonggaran disebabkan amalan demokrasi yang dipraktikkan di negara ini.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu lebih tegas dalam perkara ini dan akan mengkaji fitnah yang disiarkan suratkhbar Harakah terbitan parti PAS.

"Kalau sudah sampai kepada tahap akidah orang-orang Islam sudah tergugat kita perlu memberi perhatian yang serius kepada penyalahgunaan

perkataan Islam," katanya menjawab soalan mengenai penggunaan Islam sebagai sebahagian daripada nama parti politik.

Mengenai penyaluran bantuan daripada negara asing kepada pihak pembangkang, Dr Mahathir berkata buktinya bukan sahaja diperolehi daripada Kementerian Luar tetapi Dr Wan Azizah sendiri dalam ucapannya bersama dengan Karpal Singh di Jelutong baru-baru ini.

"Dia mengaku bahawa mereka dapat sokongan daripada orang putih dan begitu berbangga sekali menyatakan orang putihpun sokong kami.

"Bagi kita ini memalukan. Ini negara kita dan kita tak perlukan sokongan daripada orang lain.

"Kalau ada bukti mereka mendapat bantuan kewangan, kita perlu kaji kerana sekarang ini tak ada undang-undang yang mencegah tetapi dari segi moralnya, penerimaan bantuan daripada orang asing bermakna menerima campur tangan orang asing dalam urusan negara kita," katanya.

Dalam ucapannya pada majlis pecah tanah projek pembesaran lapangan terbang itu, Dr Mahathir berkata kemajuan yang dicapai oleh kerajaan BN selama ini disebabkan kegigihan pegawai kerajaan yang cekap dan profesional menguruskan dana kewangan negara.

Katanya, ada orang menuduh pegawai kerajaan dipengaruhi dakyah pembangkang, tetapi bilangan golongan itu kecil.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN akan terus majukan negara dengan mengadakan lebih banyak projek untuk faedah rakyat selain berikrar untuk melindungi agama Islam daripada dicatatkan oleh PAS yang begitu tamakkan undi.

Perdana Menteri juga memberi amaran bahawa PAS akan mencipta lebih banyak fitnah terhadap kerajaan BN dan pemimpinnya pada sehari dua hari sebelum pilihan raya umum bagi menyekat pengundi daripada mengundi BN.

Beliau berharap rakyat terutamanya di Terengganu menolak sama sekali PAS kerana sejak adanya parti itu, perpecahan berlaku di kalangan umat Islam malahan fahaman umat Islam terhadap agama Islam sudah berubah.

Katanya, adalah bijak bagi rakyat menolak PAS dalam pilihan raya umum ini kerana ia membawa perpecahan malahan parti itu kini merancang mempengaruhi anak-anak di peringkat tadika lagi supaya menyokong mereka dan membenci kerajaan dan pemimpin mereka.

Mengenai pelantikan bukan Melayu dan bukan Islam sebagai perdana menteri, Dr Mahathir berkata: "PAS kata hanya alim ulama yang boleh memerintah tetapi mereka sanggup menerima Lim Kit Siang (setiausaha agung DAP). Ini bermakna mereka mengiktiraf Kit Siang sebagai ulama...tak lama lagi dia bagi (beri) pinjam kopiah putih...Kit Siang akan pakai kopiah putih dan bersyarah dalam masjid untuk menyakinkan orang Islam."

Katanya, PAS biasa menjemput orang bukan Islam bersyarah di tempat ibadat semata-mata untuk menimbulkan kebencian kepada UMNO dan BN.

-- BERNAMA

ARA MAI